

**SIKAP DAN MOTIVASI MURID IBAN DALAM MEMPELAJARI  
BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA**  
*(Attitude And Motivation Among Iban Pupils In Primary School In The  
Learning Of Malay Language As A Second Language)*

JERIE ANAK PETER LANGAN  
ZAMRI MAHAMOD

**ABSTRAK:** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi yang dimiliki oleh murid-murid Iban sekolah rendah yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap dan motivasi antara murid Iban berdasarkan jantina dalam mempelajari Bahasa Melayu. Seramai 302 orang murid Iban tahun 6 dari 15 buah sekolah rendah di daerah Kanowit dipilih sebagai responden kajian dengan menggunakan persampelan bertujuan. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan Model Sosiopendidikan oleh Gardner. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengutip data ialah soal selidik yang mengandungi 36 item. Item-item ini terbahagi kepada konstruk sikap dan konstruk motivasi. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan murid-murid Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Walau bagaimanapun, murid-murid Iban sekolah rendah menunjukkan motivasi yang rendah ketika belajar Bahasa Melayu dalam tempoh waktu yang lebih lama berbanding mata pelajaran lain. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan motivasi antara murid lelaki dengan murid perempuan yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kesimpulannya, murid-murid Iban mempunyai sikap positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu, sama ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah.

**Kata kunci:** Sikap, motivasi, Bahasa Melayu, murid-murid Iban, bahasa kedua

**ABSTRACT:** The aim of this study is to identify the attitude and motivation among Iban pupils in primary school in the learning of Malay Language as a second language. This study tries to identify the existence of differences in attitude and motivation between the two genders of Iban pupils in the learning Malay Language. 302 year 6 Iban pupils from 15 schools in the Kanowit district were selected as respondents using the purposeful sampling method. This study was carried out using the Gardner Socio-Educational Model. Questionnaire consisting of 36 items was distributed to collect data for this study. These items were divided into attitude and motivation constructs. The data were analyzed by using descriptive and inferential statistics. The result of the study shows that Iban pupils in the primary schools have positive attitude and high motivation level in the learning of Malay Language as a second language. However, the level of motivation is low when they have to spend more time to study the Malay Language as compared to other subjects. This study also reveals the significant differences in motivation level between male and female pupils in the learning of Malay Language. The conclusion is Iban pupils

*have positive attitude and high motivation level while studying Malay Language inside or outside the classroom.*

**Key words:** Attitudes, motivation, Malay Language, Iban pupils, second language

## PENGENALAN

Sistem persekolahan di Malaysia amat menekankan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris. Kedua-dua bahasa ini perlu dikuasai oleh semua murid tidak kira di peringkat sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah. Walaupun Bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah, namun Bahasa Inggeris masih lagi digunakan dengan meluas terutamanya dalam kalangan masyarakat Cina dan India (Zaitul Azma 2007). Kerajaan negara ini tidak pernah mendakkan kepentingan Bahasa Inggeris. Akan tetapi, Bahasa Melayu tetap dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan.

Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, menjelaskan "Bahasa kebangsaan negara ini ialah Bahasa Melayu ...". Bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia dan dijadikan bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi (Nik Safiah et al. 1996: 19). Mengikut Sukatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KPM 2003), Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, dan merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari di peringkat sekolah rendah. Dalam kajian ini, Bahasa Melayu merujuk kepada bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan juga mata pelajaran Bahasa Melayu yang dipelajari di peringkat sekolah rendah.

Pemerolehan bahasa kedua didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya (Dulay, Burt & Krashen 1982 dalam Abdullah 2004). Cook (1991) pula mendefinisikan bahasa kedua sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Dalam kajian ini, bahasa kedua merujuk kepada Bahasa Melayu yang dipelajari oleh murid-murid Iban, manakala Bahasa Iban merupakan bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka.

## PERKEMBANGAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DI SARAWAK

Perkembangan pendidikan moden di Sarawak adalah lambat jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Hal ini disebabkan penduduknya yang miskin dan tinggal berselerak. Bentuk muka bumi di Sarawak yang bergunung-ganang dan curam turut menyukarkan lagi usaha menyeragamkan mutu pendidikan di negeri Sarawak pada peringkat awal. Sebelum kedatangan James Brooke pada tahun 1839, masyarakat Sarawak telah mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri (<http://xfile.my.tripod.com/bab7.htm>). Suku kaum peribumi seperti Iban, Kelabit dan Melanau memberikan pendidikan tidak rasmi kepada anak-anak mereka tentang cara-cara bercucuk tanam, memburu dan adat resam.

Kedatangan James Brooke pada tahun 1839 telah membuka lembaran baru dalam sejarah pendidikan di Sarawak. Pada peringkat awal, usaha keluarga Brooke untuk memberikan pendidikan kepada penduduk Sarawak terbantut kerana penduduk tempatan tidak percaya bahawa pelajaran Barat sesuai bagi rakyat Sarawak (Muzafer & Ibrahim 1983). Pada tahun 1883, mubaligh-mubaligh Kristian telah mendirikan sekolah-sekolah di Kuching dan Kanowit. Selepas itu, Raja Charles menghantar pertubuhan-pertubuhan mubaligh ke bahagian-bahagian lain di negeri Sarawak bagi mengelakkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan di bahagian-bahagian lain tersebut.

Sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh pertubuhan-pertubuhan mubaligh ini menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sekolah pengantar berbahasa Inggeris yang pertama di Sarawak telah ditubuhkan oleh Francis McDougall, seorang paderi Gereja England (Muzafer & Ibrahim 1983). Sejak itu, sekolah-sekolah pengantar Bahasa Inggeris yang lain berkembang dengan cepat di Sarawak. Sekolah pengantar Bahasa Inggeris yang terdapat di dalam daerah Kanowit pada ketika itu ialah Sekolah St. Francis Xavier's, yang masih wujud hingga ke hari ini. Dengan tertubuhnya sekolah-sekolah mubaligh di Sarawak, maka pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan penduduk Sarawak pun bermula.

Sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar hanya ditubuhkan oleh Charles Brooke pada tahun 1883, iaitu di Kuching (Muzafer & Ibrahim 1983). Maka, bermulalah penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Sarawak. Selepas Sarawak memperoleh kemerdekaan daripada British pada 16 September 1963 melalui penyertaan dalam Persekutuan Malaysia, sistem pendidikan di Sarawak turut berubah seiring dengan perubahan pendidikan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Apabila Akta Pelajaran 1961 digubal, pendidikan di Sarawak turut membuat perubahan dalam sistem pendidikannya. Sejajar dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menggantikan peranan Bahasa Inggeris yang sebelum ini dijadikan bahasa pengantar, terutamanya di sekolah-sekolah mubaligh. Walau bagaimanapun, mata pelajaran Bahasa Inggeris terus dipelajari sebagai salah satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah.

Walaupun penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar adalah wajib di sekolah-sekolah, namun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Sarawak diberi pengecualian. Hal ini selaras dengan penggubalan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17(1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran Malaysia untuk mengecualikan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Sekolah Jenis Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 daripada menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (Hassan 1999).

Pendidikan di negeri Sarawak terus berkembang dari setahun ke setahun. Begitu juga dengan bilangan sekolahnya yang kian bertambah untuk menampung keperluan pendidikan warga Sarawak. Pada sesi persekolahan 2007, Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak telah membuat kenyataan akhbar menyatakan terdapat 1262 sekolah rendah. Berdasarkan jumlah tersebut sebanyak 1,038 buah merupakan sekolah kebangsaan, 220 buah sekolah jenis kebangsaan dan empat buah sekolah kebangsaan

pendidikan khas (<http://apps.emoe.gov.my/jpnsarawak/keny%20Akhb%20ar%20PP.html>).

## PERNYATAAN MASALAH

Melalui penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan Seksyen 17, Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan (Hassan 1999). Penggunaan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan diharap dapat menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Juriah (2002) menyatakan bahawa Akta Pendidikan 1996 telah memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KPM 2003) menggariskan tiga kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid di peringkat sekolah rendah. Kemahiran-kemahiran berbahasa tersebut adalah kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran berbahasa ini turut diambil berat dalam menzahirkan matlamat kerajaan untuk mewujudkan pendidikan berkualiti untuk semua (Noraziah 2007). Noraziah turut menyatakan isu bahasa tidak pernah lekang bermula daripada Laporan Fenn-Wu (1951) hingga hal wujudnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2007). Hal ini menunjukkan kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu di negara ini.

Walaupun pelbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran Bahasa Melayu, namun pencapaian Bahasa Melayu pada peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi sekolah kebangsaan dalam daerah Kanowit masih pada tahap sederhana. Jadual 1 menunjukkan pencapaian murid-murid dalam ujian berkenaan untuk tiga tahun berturut-turut bagi daerah Kanowit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Kanowit 2007). Daripada Jadual 1, keputusan UPSR untuk tiga tahun berturut-turut menunjukkan sebilangan besar calon lulus dalam Bahasa Melayu Pemahaman dengan mendapat gred C. Bagi Bahasa Melayu Penulisan pula, sebilangan besar calon lulus dengan mendapat gred A untuk ketiga-tiga tahun tersebut. Ini menunjukkan pencapaian UPSR daerah Kanowit untuk sekolah kebangsaan masih kurang memuaskan semua pihak. Abdullah (2004) dalam kajiannya mendapati kelulusan dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia tidak dipengaruhi oleh sikap dan motivasi yang ditunjukkan oleh responden. Ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan hampir semua responden (99.2%) mendapat kelulusan dengan pangkat kepujian dalam Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran tersebut. Sebaliknya, Robiah (1998) pula menyatakan sikap dan motivasi mampu memberikan impak pada tahap pencapaian murid, sama ada di sekolah mahu pun di pusat pengajian tinggi. Maka kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap sikap dan motivasi murid-murid Iban,

sama ada positif atau negatif dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, di peringkat sekolah rendah di daerah Kanowit.

**Jadual 1. Keputusan UPSR daerah Kanowit untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**

Kertas	Peratus calon (%)														
	UPSR 2005					UPSR 2006					UPSR 2007				
	A	B	C	D	E	A	B	C	D	E	A	B	C	D	E
Bah.Melayu (Pemahaman)	13.3	24.0	46.9	8.9	6.9	18.0	21.7	40.6	12.3	7.1	25.1	29.3	33.1	5.9	6.5
Bah.Melayu (Penulisan)	37.1	29.6	16.3	5.7	11.3	33.5	27.8	13.9	8.9	15.7	43.2	20.0	14.7	8.6	13.5

\*Sumber: Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Kanowit, Sibu, Sarawak, Malaysia

Murid-murid Iban di daerah ini mempunyai pelbagai latar belakang sama ada dari segi jantina, tempat tinggal, tahap pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, kemudahan-kemudahan asas di sekolah dan sebagainya. Antara latar belakang yang dilihat ialah lokasi sekolah, peringkat persekolahan, kaum, jantina, status sosioekonomi dan prestasi pencapaian. Kajian Norazizah (2006) mendapati wujud perbezaan yang signifikan dari segi sikap dan motivasi antara murid lelaki dengan murid perempuan terhadap pembelajaran Kesusastraan Melayu. Maka kajian ini turut dijalankan untuk melihat perbezaan sikap dan motivasi yang ditunjukkan oleh murid lelaki dan murid perempuan dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Beberapa kajian telah dijalankan tentang faktor sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Abdullah (2004) telah mengkaji sikap dan motivasi murid-murid Dusun terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Zamri dan Zarina (2001) telah mengkaji tentang sikap murid Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Cithra (2003) pula telah mengkaji tentang sikap dan motivasi murid-murid India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Roslind (2003) telah menjalankan kajian di Sri Aman, Sarawak terhadap pelajar tingkatan 2 dan 5 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Belum ada kajian yang dijalankan tentang sikap dan motivasi murid-murid Iban di sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Maka pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian tentang sikap dan motivasi murid-murid Iban di peringkat sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil sikap dan motivasi murid-murid Iban di sekolah rendah di daerah Kanowit, Sibu, Sarawak dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini turut mengenal pasti hubungan antara jantina dengan sikap dan motivasi dalam mempelajari Bahasa Melayu.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

1. Apakah profil sikap murid-murid Iban sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?
2. Apakah profil motivasi murid-murid Iban sekolah rendah dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua?

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan di mana data dikumpul melalui instrumen soal selidik. Data yang dikumpul adalah untuk meninjau profil sikap dan motivasi murid-murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Mengikut Mohd Majid (2004), kajian tinjauan sering dijalankan dalam penyelidikan pendidikan. Responden kajian terdiri daripada 302 orang murid tahun 6 dari 15 buah sekolah rendah di daerah Kanowit yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan ini digunakan supaya penyelidik mudah menghubungi responden-responden kajian yang menjadi sasaran dalam kajian ini (Azizi et al. 2007). Murid-murid tahun 6 ini dipilih kerana mereka:

1. Mempunyai tahap kematangan yang lebih baik berbanding dengan murid-murid di dalam kelas yang lebih rendah.
2. Mempunyai tahap kebolehan membaca dalam Bahasa Melayu yang diperlukan untuk memahami item-item soal selidik.
3. Telah menduduki ujian akhir tahun yang selaras untuk seluruh bahagian Sibu pada tahun 2007. Keputusan ujian tersebut digunakan untuk melihat pencapaian murid dalam Bahasa Melayu Pemahaman dan Bahasa Melayu Penulisan.

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini adalah soal selidik yang disesuaikan daripada soal selidik yang digunakan oleh Abdullah (2004) dalam kajiannya untuk mengukur sikap dan motivasi murid-murid Dusun terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Soal selidik tersebut disesuaikan untuk memenuhi tahap kefahaman murid-murid Iban sekolah rendah tahun 6. Soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A (Latar Belakang Responden) dan Bahagian B (Butiran Sikap dan Motivasi).

Menurut Azizi et al. (2007), kajian rintis soal selidik adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik. Kajian rintis untuk kajian ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Ulu Bawan, Kanowit yang melibatkan 20 orang murid Iban tahun 6. Murid-murid yang terlibat dalam kajian rintis ini tidak diserapkan dalam kajian sebenar untuk mengurangkan kesan pemboleh ubah pencemar terhadap keputusan sebenar kajian yang dijalankan. Bagi melengkapkan borang soal selidik, murid-murid telah diberi peruntukan masa antara 30 minit untuk menjawab dan memberi maklum balas terhadap item-item.

Kesahan ujian bermaksud sejauh mana sesuatu ujian mengukur apa yang sepatutnya diukur (Alias 1999). Bagi memastikan kesahan soal selidik yang akan digunakan, pengkaji seterusnya membuat kajian rintis dengan meminta sekumpulan murid Iban tahun 6 Sekolah Kebangsaan Ulu Bawan, Kanowit untuk cuba menjawab soal selidik berkenaan. Satu sesi bersama-sama peserta kajian rintis diadakan selepas peserta selesai mengisi borang soal selidik bagi mendapatkan maklum balas tentang masalah berkaitan dengan kefahaman dan interpretasi istilah, konsep dan soalan yang digunakan dalam alat kajian ini. Komen-komen daripada para peserta kajian rintis akan dicatatkan dan dibincangkan.

Kebolehpercayaan pula merujuk kepada ketepatan, kestabilan dan ketekalan instrumen yang digunakan daripada satu keadaan kepada keadaan lain (Guilford & Fruchter 1978). Mohd. Majid (2004) turut berpendapat bahawa sesuatu soal selidik boleh digunakan jika nilai pekali kebolehpercayaan melebihi daripada 0.60. Hasil kajian rintis didapati nilai alpha Cronbach bagi item sikap dan motivasi ialah 0.879. Menurut Sakeran (1992), nilai alpha Cronbach di antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima, manakala nilai alpha Cronbach yang melebihi 0.80 dianggap sangat baik.

Penggunaan statistik dalam sesuatu kajian adalah penting untuk menjelaskan sifat-sifat sesuatu populasi yang dikaji (Alias 1999). Data yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan dikodkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for The Sosial Sciences (SPSS)* versi 11.5. Dua jenis statistik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah statistik deskriptif dan statistik inferensi.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif merupakan satu prosedur untuk mengukur dan menerangkan data kuantitatif (Wiersma 2000). Menurut Azizi et al. (2007), statistik deskriatif digunakan untuk menghuraikan ataupun membuat ringkasan pada maklumat atau pun data yang diperoleh.

### Sikap Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 2, ternyata responden kajian mempunyai sikap yang positif dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Ini dibuktikan dengan lebih daripada 80.0% responden menunjukkan sikap yang positif terhadap 12 item daripada 14 item dalam konstruk sikap. Hanya terdapat dua item dalam konstruk sikap menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif kurang daripada 70.0%, iaitu 'Orang Melayu boleh dipercayai' (69.5%) dan 'Saya ingin mempunyai hubungan dengan orang Melayu' (63.6%).

Data kajian menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap penutur Bahasa Melayu di mana lebih daripada 83.0% responden menyatakan persetujuan 'ya' untuk item 'Saya suka orang Melayu' (84.8%), 'Saya seronok berkenalan dengan orang Melayu' (88.1%), 'Orang Melayu suka bergaul dengan orang lain' (83.8%) dan 'Orang Melayu bertimbang rasa (84.4%). Sebilangan besar responden turut menunjukkan sikap yang positif dalam sikap intergratif di mana dua daripada tiga

item menunjukkan peratusan persetujuan 'ya' lebih daripada 81.0%. Pernyataan 'Saya fasih dalam Bahasa Melayu jika bergaul dengan orang Melayu' menunjukkan 81.5% daripada responden mempunyai sikap positif manakala pernyataan 'Saya ingin tahu dengan mendalam tentang orang Melayu' menunjukkan sebanyak 81.8% daripada responden kajian mempunyai sikap positif. Pernyataan 'Saya ingin mempunyai hubungan dengan orang Melayu' juga menunjukkan sikap yang positif responden sebanyak 63.6%.

Responden juga didapati mempunyai sikap yang positif dalam minat terhadap Bahasa Melayu di mana peratusan yang tinggi melebihi 82.0% ditunjukkan pada item 'Saya bersungguh-sungguh belajar Bahasa Melayu (91.4%), 'Saya minat belajar Bahasa Melayu' (94.4%), 'Saya menumpukan perhatian di dalam kelas Bahasa Melayu' (82.5%), 'Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu' (89.1%), 'Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu' (93.0%) dan 'Saya tertarik hati dengan mata pelajaran Bahasa Melayu' (86.8%). Peratusan responden yang menunjukkan sikap yang negatif terhadap item minat terhadap Bahasa Melayu adalah kecil, iaitu kurang daripada 18.0% untuk keenam-enam item dalam komponen minat terhadap Bahasa Melayu.

**Jadual 2. Sikap murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu**

Konstruk	Peratusan (%)	
	Ya	Tidak
<b>A. Sikap murid Iban terhadap penutur Bahasa Melayu</b>		
1 Saya suka orang Melayu.	84.8	15.2
2 Saya seronok berkenalan dengan orang Melayu.	88.1	11.9
3 Orang Melayu suka bergaul dengan orang lain	83.8	16.2
4 Orang Melayu bertimbang rasa.	84.4	15.6
5 Orang Melayu boleh dipercayai.	69.5	30.5
<b>B. Sikap integratif murid Iban terhadap Bahasa Melayu</b>		
6 Saya ingin mempunyai hubungan dengan orang Melayu.	63.6	36.4
7 Saya fasih Bahasa Melayu jika bergaul dengan orang Melayu.	81.5	18.5
8 Saya ingin tahu dengan mendalam tentang orang Melayu.	81.8	18.2
<b>C. Minat murid Iban terhadap Bahasa Melayu</b>		
9 Saya bersungguh-sungguh belajar Bahasa Melayu.	91.4	8.6
10 Saya minat belajar Bahasa Melayu.	94.4	5.6
11 Saya menumpukan perhatian di dalam kelas Bahasa Melayu.	82.5	17.5
12 Saya sentiasa menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu.	89.1	10.9
13 Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu.	93.0	7.0
14 Saya tertarik hati dengan mata pelajaran Bahasa Melayu.	86.8	13.2

### **Motivasi Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu**

Jadual 3 menunjukkan tahap motivasi yang dimiliki oleh responden kajian dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hasil kajian mendapati tahap motivasi yang dimiliki oleh responden adalah tinggi dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Responden menunjukkan tahap motivasi yang tinggi dengan

peratusan melebihi 80.0% pada 10 daripada 22 item dalam konstruk motivasi. Sekitar 56.0% hingga 76.8% daripada responden pula menunjukkan tahap motivasi yang tinggi untuk 11 item. Satu item menunjukkan responden memiliki tahap motivasi yang rendah, iaitu 55.3% responden memilih persetujuan ‘tidak’ untuk pernyataan tersebut.

**Jadual 3. Motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu**

Konstruk	Peratusan (%)	
	Ya	Tidak
<b>A. Sikap murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu</b>		
15 Saya segera membuat kerja rumah Bahasa Melayu.	69.2	30.8
16 Saya belajar Bahasa Melayu mengikut jadual.	61.6	38.4
17 Saya membuat kerja rumah Bahasa Melayu mengikut jadual.	56.0	44.0
18 Saya aktif dalam aktiviti kelas Bahasa Melayu.	65.9	34.1
19 Saya berusaha bersungguh-sungguh tidak gagal Bahasa Melayu.	89.1	10.9
20 Saya lebih lama belajar Bah. Melayu berbanding mata pelajaran lain.	44.7	55.3
21 Saya memberi tumpuan soalan Bahasa Melayu yang dijangka keluar dalam peperiksaan.	76.8	23.2
<b>B. Keinginan murid Iban belajar Bahasa Melayu</b>		
22 Saya berasa seronok belajar Bahasa Melayu.	93.7	6.3
23 Belajar Bahasa Melayu telah menjadi hobi saya.	67.9	32.1
24 Saya gemar belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	88.7	11.3
25 Saya suka belajar Bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini sangat penting.	85.1	14.9
<b>C. Motivasi instrumental murid Iban terhadap Bahasa Melayu</b>		
26 Bahasa Melayu ialah subjek yang wajib.	86.8	13.2
27 Saya mempunyai kelebihan jika menguasai Bahasa Melayu.	66.2	33.8
28 Saya bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang Bah. Melayu.	75.5	24.5
29 Menguasai Bahasa Melayu meluaskan pandangan saya.	76.2	23.8
30 Menguasai Bahasa Melayu memperkembang pengetahuan saya.	86.1	13.9
31 Menguasai Bahasa Melayu menjadikan saya orang yang berpengetahuan tinggi.	75.8	24.2
32 Menguasai Bahasa Melayu membantu saya mendapat keputusan ujian yang baik.	86.8	13.2
33 Menguasai Bah. Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan kaum lain.	75.5	24.5
34 Menguasai Bah. Melayu membolehkan saya faham novel dan filem Melayu.	81.1	18.9
35 Menguasai Bah. Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik.	80.1	19.9
36 Menguasai Bahasa Melayu membolehkan saya membaca majalah berbahasa Melayu.	91.1	8.9

Tahap motivasi yang ditunjukkan oleh responden adalah tinggi terhadap sikap dalam mempelajari Bahasa Melayu, kecuali untuk item ‘Saya lebih lama belajar Bahasa Melayu berbanding mata pelajaran lain’. Responden menunjukkan tahap motivasi yang dimiliki adalah tinggi dalam item ‘Saya segera membuat kerja rumah Bahasa Melayu’

(69.2%), 'Saya belajar Bahasa Melayu mengikut jadual' (61.6%), 'Saya membuat kerja rumah Bahasa Melayu mengikut jadual' (56.0%), 'Saya aktif dalam aktiviti kelas Bahasa Melayu' (65.9%), 'Saya berusaha bersungguh-sungguh supaya tidak gagal Bahasa Melayu' (89.1%) dan 'Saya menumpukan kepada soalan Bahasa Melayu yang dijangka keluar' (76.8%). Responden menunjukkan tahap motivasi yang rendah pada item 'Saya lebih lama belajar Bahasa Melayu berbanding mata pelajaran lain' apabila hanya 44.7% daripada responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Responden turut menunjukkan tahap motivasi yang tinggi dalam keinginan belajar Bahasa Melayu. Tiga daripada empat item yang diberikan menunjukkan lebih daripada 85.0% responden bersetuju dengan item tersebut. Item-item tersebut ialah 'Saya berasa seronok belajar Bahasa Melayu' (93.7%), 'Saya gemar belajar mata pelajaran Bahasa Melayu' (88.7%) dan 'Saya suka belajar Bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini sangat penting' (85.1%). Responden masih lagi menunjukkan motivasi yang tinggi pada item 'Belajar Bahasa Melayu telah menjadi hobi saya' apabila 67.9% daripada responden bersetuju dengan item tersebut.

Dalam motivasi instrumental pula, responden juga menunjukkan tahap motivasi yang tinggi terhadap kesemua 11 item yang diberikan. Item-item tersebut ialah 'Bahasa Melayu ialah subjek yang wajib' (86.8%), 'Saya mempunyai kelebihan jika menguasai Bahasa Melayu' (66.2%), 'Saya bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang Bahasa Melayu' (75.5%), 'Bahasa Melayu meluaskan pandangan saya' (76.2%), 'Bahasa Melayu memperkembang pengetahuan saya' (86.1%), 'Bahasa Melayu menjadikan saya orang yang berpengetahuan tinggi' (75.8%), 'Bahasa Melayu membantu saya mendapat keputusan ujian yang baik' (86.8%), 'Bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan kaum lain' (75.5%), 'Bahasa Melayu membolehkan saya faham novel dan filem Melayu' (81.1%), 'Bahasa Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik' (80.1%) dan 'Bahasa Melayu membolehkan saya membaca majalah Bahasa Melayu' (91.1%).

## PERBINCANGAN

### **Sikap Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu**

Dapatan kajian menunjukkan sikap murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah positif dan tinggi. Dapatan ini menyokong kajian Abdullah (2004) yang mendapati murid Dusun mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian Chithra (2003) terhadap murid India juga menunjukkan keputusan yang sama, iaitu murid India mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Murid Cina juga mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam kajian Zamri dan Zarina (2001). Sebaliknya, kajian Kamsiah adalah bertentangan dengan dapatan kajian ini. Kamsiah (2001) mendapati murid-murid Melayu di Singapura mempunyai sikap yang agak negatif dan motivasi yang agak rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Sikap murid Iban yang positif ditunjukkan dalam ketiga-tiga komponen dalam konstruk sikap, iaitu sikap terhadap penutur Bahasa Melayu, sikap integratif dan minat terhadap Bahasa Melayu. Murid Iban menunjukkan sikap yang positif terhadap orang Melayu yang merupakan penutur natif Bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini menyokong kajian Abdullah (2004) yang mendapati murid Dusun mempunyai sikap yang positif terhadap penutur Bahasa Melayu. Murid Iban juga menunjukkan sikap yang positif dalam sikap integratif kerana mereka percaya mempelajari Bahasa Melayu akan memudahkan mereka berkomunikasi dengan penutur Bahasa Melayu. Kajian Chithra (2003) juga mendapati murid India mempunyai sikap integratif yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Gardner dan MacIntyre (1993), sikap integratif merupakan faktor utama yang menggalakkan seseorang mempelajari bahasa sasaran dengan lebih baik. Kajian ini juga mendapati murid Iban mempunyai sikap yang positif dalam minat terhadap Bahasa Melayu dengan belajar bersungguh-sungguh, menumpukan perhatian di dalam kelas dan sentiasa membuat kerja rumah. Murid Iban juga menunjukkan mereka amat meminati dan menyukai subjek Bahasa Melayu.

### **Motivasi Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu**

Motivasi murid Iban terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua turut memaparkan motivasi yang tinggi. Motivasi yang tinggi ditunjukkan dalam ketiga-tiga komponen, iaitu sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, keinginan belajar Bahasa Melayu dan motivasi instrumental. Komponen yang lebih ketara menunjukkan motivasi yang tinggi ialah motivasi instrumental. Murid Iban sedar bahawa Bahasa Melayu adalah subjek yang wajib lulus dalam mana-mana peperiksaan awam. Mereka juga percaya bahawa Bahasa Melayu boleh mengembangkan pengetahuan mereka di samping boleh membantu mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan kerana kebanyakan subjek lain diajar dalam Bahasa Melayu.

Dapatkan ini menyokong kajian Asmahan (2004) yang mendapati terdapat hubungan antara Bahasa Melayu dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian Abdullah (2004) yang menyatakan murid Dusun belajar Bahasa Melayu dengan tekun dan bersungguh-sungguh kerana adanya motivasi instrumental. Kajian Lim (2001) juga selari dengan dapatan ini yang menyatakan murid Cina dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik kerana mempunyai kemauhan yang tinggi untuk mempelajari Bahasa Melayu yang merupakan subjek penting dan wajib lulus untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian Suwarnee et al. (2000) mendapati murid Melayu terdorong untuk mempelajari Bahasa Melayu bukan sahaja untuk mendapatkan keputusan yang baik, tetapi kerana minat dan kesedaran tentang persaingan peluang pekerjaan pada masa hadapan.

### **KESIMPULAN**

Kejayaan seseorang murid mempelajari sesuatu bahasa dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Sikap dan motivasi merupakan salah satu daripadanya. Sikap yang dimiliki oleh

murid amat mempengaruhi pembelajarannya terhadap sesuatu bahasa. Dalam konteks ini, sikap dan motivasi saling mempengaruhi penguasaan bahasa seseorang murid. Kajian ini menunjukkan murid Iban mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kesimpulannya, sikap murid Iban di sekolah rendah ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah positif. Hal ini menandakan bahawa penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di Sarawak adalah baik.

## RUJUKAN

- Abdullah Musa. (2004). Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmahani Muhtarr. (2004). Kajian mengenai tahap keupayaan bahasa Melayu dan hubungannya dengan pencapaian Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Chithra a/p Raju. (2003). Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Cook V. 1991. *Second language learning and language teaching*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C. & MacIntyre, P.D. (1993). On the measurement of affective variable in second language learning. *Journal of Language Learning*, 43 (2): 157-194.
- Guilford, J.P. & Fruchter, B. (1978). *Fundamental statistic in psychology and education*. 6<sup>th</sup> Edition. Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha Ltd.
- Hassan Ahmad. (1999). Dasar bahasa dan pembangunan negara di Malaysia. *Dewan Bahasa*, 43 (9): 783-795.
- <http://apps.emoe.gov.my/jpnsarawak/keny%20Akhb%20ar%20PP.html>. Atas talian pada 12 April 2008.
- <http://xfile.my.tripod.com/bab7.htm>. Atas talian pada 12 April 2008.
- Juriah Long. (2003). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1956). *Penyata Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Lim Hock Yuan. (2001). Dimensi budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*; Mac: 36-41.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muzaffar D.J. Tate & Ibrahim Ahmad Bajunid. (1983). *Sejarah menengah baru 3*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1996). *Tatabahasa dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noraziah Ahmad Ghazali. (2007). Bahasa dalam PIPP. *Pelita Bahasa*, Jun: 9-12
- Norazizah Abdul Aziz. (2006). Sikap, motivasi dan gaya pembelajaran dan hubungan dengan pencapaian mata pelajaran Kesusteraan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Robiah Sidin. 1998. *Pemikiran dalam pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Roslind Mawing. (2003). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sekaran, U. (1992). *Research method for business: A skill building approach*. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: John Wiley & Son.
- Suwarnee Mohd Solah, Fairose Shamsudin, Elmiyusni Mohd Yusop & Zamri Mahamod. (2008). Pengaruh sikap dalam pemelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melayu. Dlm. Zamri Mahamod (Pnyt). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu*: 145-169. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2007). Merealisasikam Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Perlaksanaan*, 301-314. Universiti Kebangsaan Malaysia:
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, Februari: 40-43.

**Maklumat lanjut, boleh hubungi:**

Jerie anak Peter Langan  
Sekolah Kebangsaan ulu Bawan,  
Kanowit, Sarawak.  
[jeriepl@yahoo.com](mailto:jeriepl@yahoo.com)